




مجالس بنتانج لڠکاوي بندارا ی قلچو عن MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN

KUAH, 07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO.: MY-QMS 01909



KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj.Kami:(۴۷)dlm.MPBP. PEN.7.90,Jld 3
Tarikh : ۱۷ Februari 2023
6 Syaaban 1444H

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Kedah Darul Aman, Warganegara Malaysia yang berkelayakan serta berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup permohonan untuk mengisi jawatan seperti berikut :-

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF	JADUAL GAJI (RM)		
				GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN TAHUNAN
1	Pembantu Penguatkuasa	KP19	Kontrak	RM 1,360.00	RM 4,052.00	RM 100.00
2	Pemandu Kenderaan	H11	Tetap/Kontrak	RM 1,218.00	RM 2,939.00	RM 80.00
3	Pembantu Operasi	N11	Tetap	RM 1,216.00	RM 2,983.00	RM 80.00
4	Penghantar Notis	N11	Tetap	RM 1,216.00	RM 2,983.00	RM 80.00
5	Pembantu Awam	H11	Kontrak	RM 1,218.00	RM 2,939.00	RM 80.00
6	Pembantu Tadbir	N19	Tetap/Kontrak	RM 1,352.00	RM 4,003.00	RM 100.00

B) SYARAT-SYARAT LANTIKAN

JAWATAN 1 : PEMBANTU PENGUATKUASA GRED KP19

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00); atau

- (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya ber pangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,416.40); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,472.80); dan
- d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :-
- i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita.
 - iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Membantu membuat operasi penguat kuasaan, penyediaan statistik penguat kuasaan, menyediakan rekod operasi dan pendakwaan, terlibat dengan saksi kes-kes pendakwaan dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari masa ke semasa.

JAWATAN 2 : PEMANDU KENDERAAN GRED H11

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - (ii) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - (iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D : RM1,264.15
- Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
- Lesen F/H : RM1,356.45
- Lesen G/I : RM1,402.60

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas

JAWATAN 3 : PEMBANTU OPERASI GRED N11

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,216.00); atau
 - (ii) PT3/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,262.15)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat sehari-hari melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan. Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat 'hand-on' yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat.

JAWATAN 4 : PENGHANTAR NOTIS GRED N11

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta lesen memandu sekurang-kurangnya Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,216.00); atau
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penghantaran notis dan dokumen berkaitan kepada semua pihak yang berurusan dengan organisasi.

JAWATAN 5 : PEMBANTU AWAM GRED H11

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,218.00)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Menjalankan tugas-tugas am bersifat ‘hand-on’ yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

JAWATAN 6 : PEMBANTU TADBIR GRED N19

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00) atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,408.40); atau
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,464.80).
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perangan 1(c) di atas; atau
(ii) Iulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

DESKRIPSI TUGAS:

Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan, statistik serta penyediaan.

C. KUMPULAN PERKHIDMATAN

JAWATAN 1 : Pelaksana

JAWATAN 2 : Pelaksana

JAWATAN 3 : Pelaksana

JAWATAN 4 : Pelaksana

JAWATAN 5 : Pelaksana

JAWATAN 6 : Pelaksana

D. KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

JAWATAN 1 : Keselamatan dan Pertahanan Awam

JAWATAN 2 : Kemahiran

JAWATAN 3 : Pentadbiran dan Sokongan

JAWATAN 4 : Pentadbiran dan Sokongan

JAWATAN 5 : Kemahiran

JAWATAN 6 : Pentadbiran dan Sokongan

E. TARAF JAWATAN

JAWATAN 1 : Kontrak

JAWATAN 2 : Tetap/Kontrak

JAWATAN 3 : Tetap

JAWATAN 4 : Tetap

JAWATAN 5 : Kontrak

JAWATAN 6 : Tetap/Kontrak

F. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT

Calon-calon yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

G. CARA MEMOHON

- (i) Borang permohonan HANYA boleh didapati dengan memuat turun di laman web Majlis – www.mplbp.gov.my
- (ii) Borang yang telah lengkap diisi berserta salinan kad pengenalan, sijil kelahiran dan sijil-sijil kelulusan yang PERLU diperakui sah sebagai salinan sebenar oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Gred 41 ke atas) sahaja. Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dipohon disudut atas sebelah kiri sampul surat dan dialamatkan kepada :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
07000 KUAH, LANGKAWI
KEDAH DARUL AMAN**

Pada atau sebelum : **14 MAR 2023**

- (iii) Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan borang permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dan menyertakan bersama-sama kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) terkini yang telah diakui sah.
- (iv) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak layak dan tidak akan dipertimbangkan.
- (v) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (vi) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan selepas dari iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAMIZIE BIN IBRAHIM., BCK.)

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Langkawi

Bandaraya Pelancongan

Kedah Darul Aman.